

Kerajaan hargai jasa Samsudin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman berkhidmat dengan cemerlang kepada negara.

Sambil merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih bagi pihak kerajaan, Perdana Menteri berkata, Samsudin yang juga bertindak sebagai Setiausaha Kabinet melaksanakan peranannya termasuk memberi pandangan dan maklumat berkaitan kepada Kabinet mengenai perkara yang ada kepentingan dengan perkhidmatan awam.

"Bagi pihak kerajaan, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi peng-

hargaan kepada beliau (Samsudin).

"Sepanjang perkhidmatannya di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama saya dulu hingga akhirnya menjadi KSN, boleh saya katakan khidmat yang diberikan itu adalah cemerlang," katanya berucap pada majlis makan malam sempena persaraan Samsudin, di sini, malam tadi.

Abdullah turut menyampaikan cenderahati kepada Samsudin pada majlis itu.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; isteri Samsudin, Puan Sri Suslita Abdul Majid; menteri Kabinet dan Menteri Besar serta KSN yang baru, Tan

Sri Sidek Hassan.

Abdullah turut memuji peranan dimainkan Samsudin yang menjadi tempat rujukan menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), terutama apabila timbul masalah antara kedua-dua pihak berkenaan sehingga bekas KSN itu terpaksa mencari 'formula' penyelesaian terbaik.

Sementara itu, Samsudin turut merakamkan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Perdana Menteri kerana 'memberi kepercayaan melantiknya sebagai KSN.

Katanya, sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak 1969, beliau melalui pelbagai cabaran pahit manis yang sukar dilupakannya.